

Qalam

140, Shawwāl 1381, Mac 1962, 60 Sen –

Selamat Hari Raya Fitrah

Kesucian Darah

Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, wa Lillāhi al-Ḥamd

Di samping ucapan takbir yang kita ucapkan bersama hari ini, Qalam dan kakitangannya mengucapkan selamat berhari raya kepada pembaca-pembaca khususnya dan kepada Ikhwan al-Muslimin amnya, *min al-‘āidīn al-fā’izīn al-maqbūlīn*.

Allāhu Akbar! Marilah kita bermaaf-maafan di antara kita sesama kita. Marilah kita bersatu padu semula, menjauhkan perasaan-perasaan yang boleh memecahkan segala perkara-perkara yang keruh yang ada di dalam batin kita. Marilah kita berfikiran tenang dan aman, menjauhkan perkara-perkara yang boleh merosakkan *ikhwah islāmiyyah* di antara kita sesama kita yang wajib kita bina dan kita perbaharui di dalam menyambut hari yang berbahagia *yawm al-mubārak*, hari bergembira, hari bersuka cita, hari bersyukur setelah kita dapat menunaikan kewajipan dan tanggungjawab kita menunaikan perintah Tuhan, berpuasa dengan sepenuh-penuh ertinya.

Allāhu Akbar! Betapa kita tidak bergembira, betapa kita tidak bersyukur, betapa kita tidak bersuka cita di dalam menyambut bulan mubārak, bulan berbahagia ini? Tidakkah di dalam bulan ini diturunkan Allah al-Qur’ān yang menjadi panduan hidup untuk kita? Tidakkah di dalam bulan ini empat patah ayat yang pendek yang besar ertinya kepada umat kita

telah diturunkan Allah? *Iqrā’ bismi rabbika al-ladhī khalaq. Khalaqa al-insān min ‘alaq. Iqrā’ wa rabbuka al-akram al-ladhī ‘allama bi al-qalam. ‘Allama al-insān mā lam ya’lam.* (Maksudnya “Bacalah dengan nama Tuhan kamu yang telah menjadikan; menjadikan manusia daripada seketul darah. Bacalah, kerana Tuhan kamu yang amat mulia yang mengajar (kamu) dengan (perantaraan) qalam (pena). Ia telah mengajar manusia apa yang mereka tidak ketahui.”

Allāhu Akbar! Apa tidakkah kita memerhatikan tentang kejadian kita seperti yang disebut oleh Allah di dalam ayat Tuhan yang pertama yang diturunkannya itu? Kita berasal daripada seketul darah, seketul darah ini berasal daripada setitik darah. Darah yang seketul itu darah yang hidup - mengalir dan berjalan. Dengan kerana ia mengalir dan berjalan maka ia membesar. Daripada seketul tadi lalu dijadikannya menjadi segumpal daging kemudian di dalam daging itu diberi bertulang, kemudian tulang-tulang itu diliputi daging-daging yang tersebut. Dengan perpusingan darah yang ada padanya dari satu masa ke satu masa ia membesar sehingga tiba kepada suatu saat ia zahir ke dunia – hidup di dunia di dalam beberapa lama yang dipandang sebagai di dalam perjalanannya, kemudian apabila darah itu kering, daging-daging tadi tidak berupaya dan berdaya lagi mempertahankannya sehingga ia tidak bermaya dan busuk menjadi “bangkai” yang tidak ada harganya!

Allāhu Akbar! Darah yang setitik tadi asalnya daripada air yang setitik yang jijik kita memandangnya dan kemudian darah itu hidup bergerak dengan darah yang meliputi daging dan setelah bersifat, ia memakan darah dari darah yang didatangkan padanya di dalam rahim ibunya. Darah yang di makannya itu adalah datangnya daripada makanan-makanan yang diberi dan diadakan dengan limpah kurnia Tuhan kepada ibu yang mengandungnya. Demikianlah berjalan dari satu keturunan ke satu keturunan semenjak daripada Allah menjadikan Adam daripada tanah zaman berzaman.

Allāhu Akbar! Di dalam rahim darah di makan dan dengan darah kita hidup. Darah yang dimakan adalah darah yang

hidup dan mengalir, yang membawa kita besar. Apabila keluar daripada rahim ibu darah yang telah sebat di dalam badan kita, yang sentiasa mengalir, merah menyala-nyala dan berkilat-kilat sebagai tandanya hidup maka darah itu pada ghalibnya tidak akan hidup sekiranya tidak ada makanan-makanan yang menjadikannya bergerak. Dari kecil dengan darah yang termasuk di dalam susu ibu menjadikan makanan untuk menghidupkan darah yang berjalan itu. Sesudah besar dengan makanan yang lain yang bagi kita di sini beras.

Allāhu Akbar! Kerana darah itu sebagai asas itu dan darah itu yang menghidupkannya ialah daripada makanan maka hendaklah kita menjaga makanan yang di makan itu atas kesuciannya; ia hendaklah tidak najis, jaga kebersihannya; ia bukan hak orang, sebab semuanya itu akan membawa kepada perubahan roh dan jasmani kita untuk lebih membawa kebaktian. Sekiranya makanan itu najis dan haram, makanan yang di makan itu daripada hak orang, harta rampasan, harta curi, harta tipu, maka kebersihan diri itu tidak akan didapat kerana ia telah menjadi darah dan kemudian menjadi daging yang mengandungi dan menjaga roh itu. Sekalipun umpamanya makanan kita telah suci bersih maka roh pula mesti kita bersihkan dengan memberikan fitrah untuk kesucian diri masing-masing.

Allāhu Akbar! Dengan pemberian-pemberian, dengan rezeki yang diberi Tuhan ke atas kita untuk menghidupkan darah, apabila kita dewasa, dengan darah yang kuat dan bernyala-nyala itu, kita pun jadi gagah – kita pun menggunakan kekuatan dan akal fikiran kita. Kepada apakah akal dan fikiran kita digunakan? Kepada apakah kekuatan kita dijadikan?

Allāhu Akbar! Tuhan yang Maha Kaya telah memberi pertunjuk kepada manusia dengan suatu ajaran iaitu ajaran dengan qalam – dengan pena atau tulisan, iaitu kitab Allah yang menjadi panduan hidup manusia seluruhnya. Ia mengajar manusia akan alam-alam yang mereka tidak ketahui. Alam Tuhan yang diberinya sangat luas sehingga tidak dapat

seluruhnya diselami oleh manusia tetapi yang besar yang diseru-Nya ialah berbakti kepada Allah, mengabdikan diri kepada Tuhan – siap sedia untuk menyerahkan darahnya yang hidup tadi untuk mencari keredaan Allah! Dengan darahnya yang mengalir dan hidup, manusia diserunya berbakti kepada Tuhannya dan di dalam sesuatu hal diseru-Nya supaya makhluknya yang sedar dengan hidupnya dengan darah yang mengalir, dalam masa mencari sara hidupnya dengan darah supaya memberi pengorbanan dengan hartanya, dengan dirinya – diri yang mengalir darah yang hidup dengan kurnia Tuhan – kepada jalan Allah - *fi sabīl Allāh!*

Allāhu Akbar! Insaflah bahawa daripada-Nya kita datang dan kepada-Nya kita akan kembali – kembali akan ditanya apa yang telah kita gunakan di atas darah yang telah mengalir di dalam tubuh dan jiwa kita! Kembali akan ditanya apakah kesyukuran; apakah taqwa yang telah dibuat! Kembali akan ditanya apakah jihad yang telah dilakukan di dalam masa hidup di dunia untuk menegakkan kalimah Tuhan! Insaflah!

Allāhu Akbar! Apakah dengan rezeki sebiji nasi yang kita makan, yang menjadi sebab untuk menghidupkan darah kita untuk mengalir dan dengan mengalirnya darah itu ditubuh kita, kita telah buat? Apakah dengan kekuatan yang didapat daripada perpusingan darah di dalam tubuh kita, kita telah gunakan? Allah menyuruh, dengan ilmu yang diberi-Nya, supaya kita menggunakannya kepada jalan yang diredai-Nya – bersyukur dan bertaqwa dan berjihad kepada jalanNya.

Allāhu Akbar! Adakah kita akan menggunakan kekuatan itu untuk melawan suruhan-Nya? Adakah dengan darah yang mengalir di tubuh kita itu kita akan memecahkan persatuan kita? Insaflah kepada kejadian kita, insaflah kepada asal kita. Kita dijadikan daripada setitik darah, kemudian darah itu dihidupkan dengan rezeki Tuhan yang Maha Limpah, lalu kita jadi kuat, kemudian darah kita lemah, kerana kekurangan hidup kita lalu darah itu mati yang ertinya kita mati. Sesudah Tuhan jadikan kita

sebagai sebaik-baik kejadian, kemudian tatkala darah tidak mengalir lagi – berhenti daripada mengalir maka kita tinggal seperti bangkai. Takdirnya terletak di tepi jalan beberapa hari, tidak akan ada orang yang suka memandangnya bahkan orang akan menjauhkan diri daripadanya, walaupun ia seorang raja yang besar sekalipun.

Allāhu Akbar! Apakah yang tinggal – semuanya harta benda tinggal di dunia yang terbawa sebagai alat, kalau ada, hanya sehasta kain untuk pembungkusan – tidak lebih daripada itu. Yang tinggal sebutan-sebutan – Kalau jahat kejahatannya; ia akan disebut dan dinista orang sehingga ibu bapanya dibangkit-bangkit orang; kalau ia baik akan diingat dan didoakan orang – jasanya akan dikenang selamanya-lamanya.

Allāhu Akbar! Kepada kita sendirilah untuk memilih kesudahan hidup kita, kepada kitalah untuk menentukan nasib kita di dalam alam yang akan datang yang hukumnya akan berkepanjangan dan tidak berkesudahan! Sebab itu marilah wahai kaum Muslimin, di dalam hari baik bulan baik ini, kita membuat azam mengikat perpaduan kita untuk berdiri tegak di bawah kalimah *Lā ilāha illā Allāh Muḥammad Rasūl Allāh* – tegak untuk menegakkan agama Allah dengan berjihad kepada jalan Allah dengan harta dan diri kita, dan jika perlu dengan memberikan darah yang mengalir di dalam tubuh kita kerana-Nya.

Allāhu Akbar! Di dalam menegakkan kalimah Allah, tidak ada sesuatu harapan yang dituntut dan dicari: Tidak harta, tidak nama, tidak pangkat tetapi keredaan Tuhan! Tidak ada keuntungan yang diharap selain daripada mengikhlasakan diri kepada Allah, untuk memberi pengorbanan kepada Allah, kepada agama Allah. Tidak ada tujuan yang dijalankan selain daripada berharap supaya hukum Allah ditegakkan dan dijalankan dengan amal! Tidak korban yang diharap untuk beroleh balasan selain berharap keredaanNya! Kalau ini tidak ada di dalam jiwa umat Islam maka tidak ada ertinya kita mengaku orang yang akan bekerja menegakkan kalimah Tuhan!

Allāhu Akbar! Ikhwan Muslimin, pencerob¹ telah

¹ Ejaan sebetulnya penceroboh

datang memasuki masyarakat anak-anak kita “Islam” dengan kesenian dan kebudayaan-kebudayaan yang berpunca dari Barat dan Hindu. Anasir-anasir ini telah masuk ke dalam golongan pemuda-pemuda kita. Ini sangat berbahaya. Di dalam masa itu kita tidak ada pun berusaha mengadakan kerjasama di antara satu sama lain untuk memberi pertunjuk dan ingatan kepada bahayanya masuknya anasir-anasir yang menentang dan berlawanan dengan ajaran agama kita Islam. Kita melihat keadaan campur aduk telah timbul: Agama dibuat, maksiat dibuat. Untuk menjauhkan bahaya ini apa tidakkah cerdik pandai dan alim ulama kita menyedari akan bahaya-bahaya yang bakal timbul itu? Dengan kata-kata yang ringkas ini, di dalam menyambut *‘ayd al-mubārak*, di dalam gema takbir dan tahmid, diharap Ikhwan Muslimin renunglah sejenak semoga mendatangkan kesedaran kepada kita bersama.

*Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, wa lillāhi al-ḥamd.
min al-‘aydin al-fāizin al-maqbūlin.*

Bacalah riwayat hidup *Khālīd ibn al-Walīd*

(Oleh: Abdullah Basmeh)

Tiap-tiap baris dalam riwayat hidup perwira

Islam Khalīd bin al-Walīd ini menggambarkan keberanian dan kebijaksanaannya yang tidak ada taranya!

Cetakan yang kedua ini berhias dengan gambar-gambar dari “filem Khālīd” yang pilihan.

Tebalnya kira-kira 150 muka dan harganya hanya \$1.50. Belanja mengirimmnya 10 sen. Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura.